

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BULAN JULAI 2013 (31 JULAI 2013)**

Bismillahirrahmanirrahim. Rabbishrahli sodri wayassirli amri, wahlul ukdatan min lisani yafqahu qauli. Amin.

Terima kasih saudari pengacara majlis dan saudara pembaca doa. Semoga doa kita pada hari ini dimakbulkan oleh Allah S.W.T. jua hendaknya. Insya Allah. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu sebentar tadi.

YBhg. Dato' Rosini binti Abd Samad, Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Yang Berusaha Puan Hawazain binti Shaari, Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

Alhamdulillah syukur kita kehadiran Allah s.w.t kerana dengan rahmat, izin dan kurniaNya, maka kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam perhimpunan bagi bulan Julai tahun 2013, pada hari terakhir bulan Julai 2013, bersamaan 22 Ramadhan 1434H.

Begitu cepat masa berlalu, kita sekarang telah berada di 8 hari terakhir bulan Ramadhan. Marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita masih di beri kesempatan untuk sekali lagi bertemu Ramadhan pada tahun ini. Sama-sama kita berdoa agar kita terus diberi kesihatan tubuh badan untuk meneruskan amalan kita bagi merebut peluang yang datang hanya sekali dalam setahun. Semoga Ramadhan kali ini lebih baik dari tahun-tahun sebelumnya, dan kita diberi kesempatan untuk menemui Ramadhan yang akan datang. Insya Allah.

UCAPAN TAHNIAH DAN PENGHARGAAN

i) Penarafan 5 Bintang (SSR) oleh MAMPU

Pertama sekali saya ingin menyampaikan perkhabaran gembira iaitu hasil dari penilaian Penarafan Bintang (SSR) bagi kategori Kementerian dan Jabatan Utama di Bawah Ketua-Ketua Perkhidmatan (APJU), alhamdulillah **JANM telah berjaya mendapat penarafan 5 Bintang dengan markah 91.01%** dari MAMPU.

Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan syabas di atas pencapaian yang membanggakan ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih di atas kerjasama semua pihak yang terlibat sehingga JANM berjaya mendapat pengiktirafan ini.

Satu perkara yang saya ingin juga sebutkan di sini, bahawa walaupun kita telah berjaya mendapat 5 Bintang, masih banyak ruang-ruang penambahbaikan bagi meningkatkan lagi prestasi penyampaian perkhidmatan JANM pada masa akan datang, selaras dengan wawasan dan aspirasi negara. Untuk itu, marilah kita sama-sama berusaha agar pencapaian sebegini akan terus dapat dikekalkan dengan prestasi yang lebih baik di masa hadapan. Insya Allah.

ii) Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2012

Di kesempatan ini saya juga dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa PKKP tahun 2012 telah diberi **Sijil Audit Bersih** oleh Ketua Audit Negara pada **11 Jun 2013** yang lalu. PKKP 2012 telah sempurna ditandatangani oleh YBhg Tan' Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, KSP pada 27 Februari 2013 dan seterusnya diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit pada 28 Februari 2013. Untuk itu, saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua tuan/puan yang terlibat dalam penyediaan PKKP ini, seterusnya menjawab dan menyelesaikan soalan-soalan audit yang dikemukakan sehingga berjaya mendapat Sijil Audit Bersih sekali lagi pada tahun ini. Alhamdulillah. Tahniah diucapkan.

PELAKSANAAN HRMIS

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

Saya dimaklumkan bahawa status tindakan SKT yang telah disahkan bagi keseluruhan JANM untuk pelaporan **sehingga 25 Julai 2013** adalah sebanyak **86.76% sahaja**. Pencapaian ini adalah **sangat tidak memberangsangkan**. Sehubungan itu, dipohon kerjasama pegawai-pegawai selaku PYD dan PPP yang masih belum melaksanakan pengisian SKT atau pengesahan SKT, agar dapat melaksanakannya dengan **kadar segera**. Hari ini (**31 Julai 2013**) merupakan **hari terakhir untuk sebarang aktiviti pengemaskinian SKT 2013**. Selepas daripada tarikh ini dipohon agar **tiada aktiviti pindaan** bagi SKT yang telah disahkan dilakukan untuk memberi laluan kepada proses perkiraan penilaian KPI oleh JPA.

PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

Transformasi sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan memerlukan pengurusan perubahan yang berkesan dan sistematik. Perubahan budaya kerja, peningkatan kemahiran dan kompetensi modal insan merupakan aspek penting dalam memperkasa penjawat awam untuk menghadapi persekitaran perakaunan sektor awam yang baharu.

Tugas dan peranan tuan-tuan dan puan-puan sekalian sebagai *Change Agent* memerlukan pengetahuan yang mendalam dalam bidang perakaunan akruan, untuk memastikan proses transformasi pelaksanaan perakaunan akruan berjalan dengan lancar.

Justeru, jadikanlah diri anda sebahagian daripada proses ini. Jangan meminggirkan diri dari terlibat dalam aktiviti *change management* yang dianjurkan. Ambillah langkah proaktif untuk mendalami ilmu yang berkaitan agar kita dapat sama-sama menyumbang kepada kejayaan transformasi perakaunan sektor awam yang merupakan agenda nasional ini.

Saya juga suka memaklumkan bahawa mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 30 Julai 2013 telah meluluskan cadangan Rang Undang-Undang Akta Tatacara Kewangan (Pindaan) 2013, bagi pelaksanaan perakaunan akruan di Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2015 dan Kerajaan Negeri mulai tahun 2016 .

Sekarang adalah masa untuk kita bekerja keras dan bersungguh-sungguh bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya.

PENUTUP

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut kedatangan bulan syawal, bulan kemenangan bagi umat Islam, selepas berjaya mengharungi dugaan di bulan Ramadhan.

Dalam kita bergembira menyambut kedatangan lebaran, jangan pula kita lupa kepada saudara kita yang kurang bernasib baik. Bantulah setakat yang termampu.

Kepada yang memandu pulang ke kampung, pandulah dengan cermat dan berhemah. Patuhilah peraturan jalan raya. Biar lambat asal selamat. Semoga anda semua selamat sampai ke destinasi masing-masing dan merayakan lebaran bersama keluarga tercinta.

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat Hari Raya Aidil Fitri. Maaf Zahir dan Batin.